

## PERKEMBANGAN DAKWAH ISLAMIAH DI INSTITUSI PONDOK DI NEGERI KEDAH

Muhammad Khairul Azhar Ghazali, Nur A`thiroh Masyaa`il Tan Abdullah & Abdul Ghafar Don  
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: azharghazali2u@gmail.com, athiroh@ukm.edu.my, a.g.don@ukm.edu.my.

**Abstrak-** *Dakwah Islamiah di tanah Melayu berkembang secara aman tanpa berlaku peperangan atau pertumpahan darah seperti di tanah Arab, Parsi dan lain-lain. Perkembangan dakwah Islamiah yang berlaku dalam masyarakat Melayu khususnya di negeri Kedah dilihat telah didasari dengan pendidikan Islam yang efektif seperti institusi pondok sehingga kesan kewujudannya mampu mempengaruhi budaya masyarakat setempat. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji perkembangan dakwah Islamiah di institusi pondok. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan perkembangan dakwah Islamiah di institusi pondok telah memainkan peranan dakwah Islamiah melalui dakwah bil-maqal seperti pendidikan kepada masyarakat di segenap peringkat. Pembelajaran subjek utama seperti tauhid, fiqh dan tasawuf telah menjadi silibus yang wajib dipelajari di pondok disamping subjek fardu kifayah seperti nahu, sorof, tafsir, hadis, tajwid, mantik dan lain-lain. Pondok juga menjadi medium dakwah bil-hal melalui program-program kemasyarakatan. Implikasi kajian ini menjelaskan bahawa perkembangan dakwah Islamiah yang didasari dengan pendidikan akan menjadikan masyarakat memahami Islam secara holistik dan mampu melahirkan generasi yang benar-benar kukuh dengan pegangan Islam.*

*Kata kunci: Perkembangan Dakwah, Institusi Pondok Di Negeri Kedah*

### I. Pendahuluan

Sistem kehidupan masyarakat di Alam Melayu telah mengalami perubahan yang besar setelah kedatangan ajaran Islam yang mengasaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan dalam kehidupan. Keutuhan agama yang mengutamakan kedamaian dan ketenangan ini telah menjadikan ia sebagai panduan kehidupan yang mudah diterima dan dianuti khususnya rakyat jelata negeri Kedah sejak abad ke-3 Hijriah. Pada mulanya dakwah Islamiah hanya berlaku di kalangan rakyat biasa sahaja sehinggalah terbentuknya perkampungan orang-orang Islam (Mustaffa Mahmud. 2018). Sejarah Islam juga menunjukkan bahawa dakwah Islamiah yang dipelopori oleh Rasulullah SAW bermula dari masyarakat bawahan. Hubungan di antara para pendakwah Islam dengan orang awam begitu erat kerana mereka sering bergaul di pusat-pusat perdagangan dan dari situlah bermula proses Islamisasi dalam kalangan masyarakat Melayu. Proses dakwah ini berterusan hingga akhirnya menembusi tembok istana Kedah melalui dakwah Sheikh Abdullah dari Yaman sekitar tahun 531H lalu seluruh rakyat Kedah memeluk Islam bermula saat itu (Wan Shamsudin Mohd Yusof. 1998). Menariknya, penerimaan sultan terhadap Islam turut dijunjung oleh para pembesar dan rakyat jelata tanpa berlaku peperangan seperti mana kemasukan Islam di Tanah Arab, India, Parsi dan lain-lain. Perkembangan dakwah Islamiah di Tanah Melayu juga sangat harmoni dan mudah meresap melalui jalur kebudayaan masyarakat Melayu hingga menjadikan identiti Melayu dan Muslim tidak terpisah bahkan membentuk satu imej.

Walaupun kedatangan penjajah bermula dengan pihak Siam hinggalah kolonial telah memberi kesan kepada pelaksanaan Islam dalam urus tadbir negeri dan perundangan namun perkembangan dakwah Islamiah dan pengukuhan terusnya berjalan dalam masyarakat dan sentiasa subur. Ini dapat dilihat melalui aktiviti pendidikan Islamiah yang berkembang dari halakah-halakah pengajian di rumah alim ulama, surau dan masjid secara tidak formal hinggalah membentuk institusi pendidikan pondok yang menerima lebih ramai pelajar dalam suasana pengajian bersistematik dan memiliki kurikulum tersendiri. Perkembangan Islam secara meluas dan kukuh menunjukkan kejayaan institusi pondok memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk keperibadian Muslim yang sempurna (Noornajihan Jaafar et al. 2018). Tonggak pendidikan Islam di Tanah Melayu ini telah memberi impak yang besar kepada masyarakat Islam dalam mengekalkan identiti keislaman dan menyemarakkan semangat jati diri kemelayuan dalam setiap generasi sekaligus mencetuskan semangat cintakan tanah air (hubbu al-watan) dan penentangan terhadap penjajah. Fasa perkembangan dakwah Islamiah di negeri Kedah menyaksikan peranan institusi pondok dalam mengukuhkan lagi pemahaman Islam dalam masyarakat Melayu. Sumbangan tuan-tuan guru pondok amat besar dan bermakna kepada perkembangan budaya ilmu serta penghasilan cendekiawan tanah air (Zahidi Zainol Rashid. 1998). Pondok sebagai institusi dakwah yang memiliki kurikulum secara konsisten dan turun-temurun dengan menjadikan khazanah turath Islamiah sebagai bahan utama dalam rujukan ilmu. Kurikulum pondok yang mendasari disiplin ilmu

akidah, syariah, tasawuf dan disiplin ilmu yang lain telah melahirkan para pendakwah yang memiliki kekuatan ilmu yang diyakini masyarakat serta berprinsip dalam mempertahankan agama.

## II. Pernyataan Masalah

Pondok merupakan institusi dakwah berteraskan pendidikan Islam yang telah berkembang pesat di alam Melayu khususnya di Malaysia. Di negeri Kedah, pondok diumpamakan jantung masyarakat dan mempunyai sejarah dakwahnya yang panjang. Kewujudannya saling berkait dengan sejarah perkembangan Islam di Kedah dan ia seolah-olah tumbuh subur seiring dengan kesuburan tanah negeri Kedah yang terkenal dengan jolokan Jelapang Padi. Selain Kelantan dan Terengganu, Kedah juga merupakan negeri yang memiliki institusi pondok terbanyak. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Abdul Manaf Saad et al. (2019) menyatakan bilangan pondok yang berdaftar di dalam negeri Kedah bagi tahun 1940 hingga 1957 adalah sebanyak 256 buah dan dapatan ini selari dengan Niamat Yusuf (1996) yang memetik Ishak Muhammad Rejab (1991) menyatakan hampir setiap daerah di negeri Kedah telah tumbuh tidak kurang daripada 60 buah sekolah pondok. Sebagai institusi yang berperanan dalam perkembangan dakwah Islamiah, pondok dilihat memainkan peranan dari pelbagai aspek namun paling menyerlah melalui bidang pendidikan. Samsu Adabi Mamat (2007) memetik kenyataan Rahmat Saripan (1991) menyatakan bahawa pihak pondok telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan ilmu pengetahuan agama Islam khususnya dalam bidang fiqh, usuluddin, al-Quran, mantik, tasawuf, nahu dan cabang-cabang ilmu lain. Mereka menterjemah dan menyusun teks agama daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu (jawi). Masalah buta huruf dalam masyarakat juga dapat ditangani melalui program pengajian yang dijalankan.

Pondok memiliki sistem pembelajaran atau kurikulum secara tradisional dan kaedah pembelajaran di pondok juga berbeza dengan sekolah biasa. Menurut Suhanim Abdullah (2014) kaedah pembelajaran yang digunakan di pondok adalah sama seperti kaedah yang dijalankan di Masjid al-Haram. Sewaktu belajar, murid-murid dikehendaki duduk bersila dalam satu bulatan yang hampir tertutup. Bahagian yang terbuka itu ialah untuk guru. Tempat guru biasanya berlapis dengan hampan. Selepas itu guru mengajar dengan menggunakan teknik syarahan dan merujuk kepada sebuah kitab. Setiap murid akan membuka catatan pada ruangan kosong yang disediakan di tepi halaman kitab. Biasanya guru akan membaca kitab itu dalam bahasa Arab dan kemudiannya menerangkan dalam bahasa Melayu. Pondok dilihat mengutamakan teknik pembelajaran secara terperinci atau harfiah untuk memahami subjek tanpa terikat dengan muqarrar iaitu sukatan pelajaran yang perlu dihabiskan dalam tempoh yang ditetapkan. Faudzinaim Badaruddin (2007) menjelaskan ciri-ciri khusus bagi institusi pondok yang menjadikan ia berbeza dengan institusi pendidikan yang lain antaranya pengajaran ilmu-ilmu yang berhubung kait dengan Islam diajarkan dan dipelajari melalui pembacaan kitab-kitab berbahasa Arab dan jawi dari mula hingga akhirnya sesebuah kitab. Penuntut-penuntut yang datang untuk belajar di pondok tidak dihadkan umur. Sebaliknya penuntut tanpa mengira umur harus memulakan pelajarannya dari peringkat bawah. Pengecualian hanya diberikan kepada penuntut-penuntut yang telah menunjukkan tahap penguasaan ilmu yang memuaskan sahaja. Kaedah ini dikenali sebagai halakah atau sistem umum. Di samping itu, terdapat juga pondok yang mengaplikasikan sistem nizomi yang seakan-akan sistem madrasah seperti yang dinyatakan Mohammad Redzuan (2007) bahawa ia berdasarkan kepada konsep relatif moden. Pengajaran di madrasah tidak dalam bentuk halakah, sebaliknya dibuat dalam kelas yang disediakan dengan jadual waktu. Pelajar-pelajarnya duduk teratur di atas kerusi dan meja untuk tujuan menulis dan membaca. Mata pelajaran yang diajar pula tidak terbatas kepada mata pelajaran agama, tetapi turut merangkumi mata pelajaran bukan agama seperti ilmu kira-kira, mantik, ilmu alam dan lain-lain.

Selain peranannya dalam pendidikan, pondok juga berperanan dalam perkembangan dakwah Islamiah kepada masyarakat melalui kebajikan, sosial dan politik. Kebijaksanaan ulama pondok menginterpretasikan peranannya kepada masyarakat telah memberikan impak positif dalam perkembangan dakwah Islamiah hinggalah pondok dilihat tidak hanya memfokuskan pengajaran agama dan keakhiratan semata-mata tetapi turut meliputi aspek-aspek lain. Berhanudin Abdullah (2018) menyatakan bahawa mereka berperanan memberikan pengajaran, memimpin masyarakat dan melibatkan diri dengan bidang pentadbiran atau urusan pentadbiran agar selaras dengan syariat Islam. Ulama yang kebanyakannya lepasan pondok dan mendirikan pondok turut memimpin gerakan rakyat dan badan politik sejak era penjajahan hingga kini. Mustaffa Mahmud (2018) ketika menjelaskan perjalanan Persatuan Ulama Kedah yang kebanyakannya dilatari oleh ulama-ulama pondok menyatakan bahawa institusi pondok ketika itu memainkan peranan penting dalam perjuangan nasionalisme seperti menggerakkan Kesatuan Melayu Kedah (KMK) dalam menyusun strategi menentang penubuhan Malayan Union. Ini menunjukkan ketokohan warga pondok tidak hanya dalam bidang agama bahkan aktif di arena politik. Hal ini kekal hingga ke hari ini apabila pondok dilihat tidak ketinggalan untuk mengambil tempat dalam pelbagai isu seperti sosial, ekonomi dan kenegaraan bahkan tidak kurang yang memberi komitmen dalam pelbagai sektor seperti parti politik, NGO dan juga berada dalam pentadbiran kerajaan. Ulama dan agamawan yang kebanyakannya telah melepasi proses pentarbiahan di pondok dilihat sering berada di posisi penting dalam masyarakat sejak dahulu hingga kini melalui kepimpinan di kampung-kampung dan juga bandar dalam negeri Kedah sebagai imam, guru agama dan al-Quran, mudir-mudir pondok dan madrasah (Abdul Manaf Saad et al. 2019).

Kesemua khidmat ini dilihat memberi natijah yang positif dalam hubungan pondok dengan masyarakat dan menjadi medium yang efektif dalam perkembangan dakwah Islamiah. Sumbangan institusi pondok sebagai medium dakwah sepanjang zaman telah berjaya menempa zaman kegemilangan di rantau ini terutama sekitar kurun ke-18 hingga awal kurun ke-20 Masihi. Ianya merupakan satu-satunya institusi tradisional Melayu yang ulung dan paling berjasa dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam (Abdullah Ishak .1987). Di samping kejayaan besar itu, ia merupakan benteng yang kebal bagi mempertahankan kesucian agama Islam saat dilanda pengaruh kebudayaan barat dan fahaman Kristian yang mula bertapak di negeri ini. Selain daripada itu, ia juga merupakan penangkis yang membanteras segala bentuk fahaman salah dan khurafat yang masih wujud dan berpengaruh dalam masyarakat di samping meningkatkan taraf hidup orang-orang Melayu ke tahap yang lebih baik. Melihat pencapaian cemerlang institusi pondok dalam perkembangan dakwah Islamiah khususnya dalam membentuk generasi Islam yang berpegang teguh kepada prinsip agama dan pondok juga telah melahirkan tokoh yang mampu memimpin masyarakat maka hal ini telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji institusi dakwah tradisional ini. Kebanyakan kajian tentang pondok telah berjaya mengangkat sumbangan pondok kepada masyarakat namun dari sisi pembelajaran atau kurikulum di pondok yang dijalankan secara umum dan nizomi masih tiada perincian seperti kitab-kitab yang menjadi sukatan pelajaran dan kaedah pembelajaran yang diaplikasikan di pondok secara holistik serta kurikulum yang masih digunakan di institusi pondok pada hari ini.

### III. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Pengumpulan data pula dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan kaedah analisis kandungan bersumberkan kajian-kajian dan penyelidikan terdahulu menerusi artikel jurnal serta buku-buku yang berkaitan dengan perbincangan mengenai perkembangan dakwah Islamiah di institusi pondok. Analisis data pula dilakukan secara deskriptif.

### IV. Hasil Kajian

Suasana perkembangan dakwah Islamiah di institusi pondok sangat unik kerana keterlibatan masyarakat yang bersifat menyeluruh. Pondok dihuni oleh warga masyarakat dari segenap peringkat umur dan latar belakang sosial. Pelajar muda dan belum berkahwin akan menduduki pondok-pondok kecil manakala pelajar dewasa yang telah berkahwin akan mendiami rumah bagi penghubi berkeluarga. Kebanyakan bangunan dalam kawasan pondok didirikan secara bergotong-royong dengan dibiayai oleh dermawan dari kalangan masyarakat. Sebuah bangunan utama digunakan untuk solat berjemaah, sesi pengajian bersama tuan guru dan pelbagai aktiviti lagi. Perkembangan dakwah Islamiah di institusi pondok berpaksikan firman Allah SWT dalam surah al-Fussilat ayat 33:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾


Maksudnya:

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan beramal soleh sambil berkata sesungguhnya aku dari orang Islam.

Menurut Tafsir al-Tabari (2009) ayat ini memberi tafsiran bahawa mereka yang menyeru kepada Allah ialah pendakwah yang mengakui Allah sebagai Tuhan dan istiqamah di atas keimanan. Seperti yang dijelaskan di dalam Tafsir Ibnu Kathir (2009) namun diberi tambahan bahawa mereka adalah orang yang melaksanakan kebaikan, meninggalkan keburukan dan menyeru manusia kepada al-Khaliq. Mereka bukanlah termasuk orang-orang yang menyuruh kepada makruf tetapi tidak mengerjakannya serta melarang dari kemunkaran walhal melakukannya. Walaupun Al-Mawardi (1992) di dalam tafsirnya telah memberikan penelitian bahawa perkataan sebaik-baik itu ialah merujuk kepada Rasulullah SAW namun beliau juga tidak mengeneipkan maksud itu ialah orang beriman yang berdakwah. Di dalam Tafsir al-Maraghi (1985) menambah lagi dengan kenyataan bahawa pendakwah tersebut ikhlas berdakwah kepada Tuhannya.

Konsep dakwah bil-maqal telah dipraktik oleh institusi pondok melalui sesi pengajian dan pentarbiahan di pondok samada secara berkitab atau tazkirah. Pengajian secara talaqqi di hadapan guru merupakan kaedah pengajian turun

temurun sejak zaman Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Pembacaan kitab secara harfiah telah menjadikan sistem ini tidak sukar untuk pelajar yang baru memulakan pengajian dan dapat dikuasai dengan baik. Segala huraian dari teks asal adalah berdasarkan kehendak asal pengarang dan ia disematkan dalam catatan nota kaki yang disebut sebagai dobit. Tiga subjek utama iaitu tauhid, fiqh dan tasawuf telah diperkenalkan sebagai subjek wajib dengan menggunakan kitab jawi dan arab. Ketekunan pelajar melalui sistem yang diwarisi secara tradisi ini menjadikan para pelajar memahami ilmu secara detail dan tahkik. Konsep dakwah ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang melarang hambaNya mengamalkan Islam secara mengikut-ikut orang bahkan semestinya berdasarkan ilmu yang benar dan diyakini. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra ayat 36:


 وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Maksudnya:

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Di samping itu, tenaga pengajar pondok juga memimpin majlis-majlis ilmu di masjid dan surau sekitar. Hari-hari kebesaran Islam seperti maal Hijrah, maulid al-Rasul, isra' mikraj, nisfu Sya'ban sentiasa dijadikan medium oleh institusi ini untuk mengadakan pengisian seperti ceramah dan pembacaan kitab khas. Keterlibatan majlis ini tidak hanya di kalangan warga pondok bahkan masyarakat setempat turut sama mengambil kesempatan menerima siraman ilmu dan pemahaman menerusi majlis-majlis yang dianjurkan. Melalui majlis ilmu ini juga para hadirin akan bertanyakan soalan berkaitan agama dan merungkai kemusykilan yang sering berlaku dalam masyarakat. Perkembangan dakwah Islamiah di institusi pondok melalui dakwah bil-hal pula dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong dan menggerakkan masyarakat dalam apa-apa isu yang berkaitan dengan agama, bangsa dan tanah air. Pondok dilihat sentiasa peka dan sensitif dengan isu-isu masyarakat seperti keterlibatan pondok dalam membantu masyarakat menyempurnakan acara kenduri-kendara, majlis doa selamat, kematian, kelahiran dan bala bencana. Tuan guru sebagai pemimpin utama institusi pondok akan mengisi tempat utama dalam melontarkan solusi di atas segala permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Tradisi dakwah ini merupakan peranan yang besar dalam mengukuhkan pegangan agama dalam masyarakat serta usaha mengembangkan dakwah Islamiah.

## V. Kesimpulan

Sistem pendidikan yang efektif dan peranan institusi pondok dalam masyarakat menjadikan pondok sebagai badan dakwah yang mampu mempengaruhi budaya dan sosial masyarakat. Kewujudannya dilihat sangat penting sebagai pusat mobilisasi umat dalam aspek pendidikan dan kebajikan.

## Rujukan

1. Abdullah Ishak. 1987. Ke Arah Mengembalikan Identiti Pengajian Pondok di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
2. Abdul Manaf Saad. 2019. Persatuan Ulama' Kedah, Amar Ma'aruf Nahil Munkar: Menelusuri Kegiatan Membela Tanah Air dan Agama, 1946-1957. Dlm. Farid Mat Zain, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad & Noorsafuan Che Noh (pnyt). Islam, Patriotisme & Kemerdekaan Malaysia. hlm. 16-60. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Berhanudin Abdullah. 2018. Ulama dalam Perjuangan Tanah Air. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Faudzinaim Badaruddin. 2007. Pendidikan Pondok dan Peranannya di Tanah Melayu Abad ke-19 Masehi. Dlm. Farid Mat Zain (pnyt). Islam di Tanah Melayu Abad ke-19. hlm. 115-128. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
5. Mustaffa Mahmud. 2018. Persatuan Ulama Kedah. Pokok Sena. Persatuan Ulama Kedah.
6. Niamat Yusoff. 1996. Sejarah dan Perjuangan Ulama Kedah Darul Aman: Suatu Muqaddimah. Dlm. H. Md. Noor Salleh. Biografi Ulama Kedah Darul Aman. hlm. 1-15. Lembaga Muzium Kedah Darul Aman
7. Noormajihan Jaafar, Zulkiple Abd Ghani, Siti Rugayah Hj Tibek, Amir Husin Mohd Nor, Setiyawan Gunardi, Noor Azizi Ismail, Ramiaida Darmi, Noor Saazai Mat Saad, Mohd Muzhafar Idrus, Hazlina Abdullah, Maziahtusima Ishak, Hayati Ismail & Adibah Sulaiman. 2018. Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar. Journal of Islamic, Social, Economics and Development Volume: 2 Issue: 6 [7 Januari 2018]
8. Samsu Adabi Mamat. 2007. Kedudukan dan Peranan Ulama Melayu Abad ke-19. Dlm. Farid Mat Zain (pnyt). Islam di Tanah Melayu Abad ke-19. hlm. 95-114. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
9. Suhanim Abdullah. 2014. Pemikiran Tokoh Ulama Banjar Kedah. Batu Pahat. Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
10. Wan Shamsudin Mohd Yusof. 1998. Pertapakan dan Penyebaran Islam di Negeri Kedah. Dlm. Md. Noor Salleh & Abdul Halim Salleh (pnyt). Islam di Kedah Darul Aman. hlm. 1-5. Alor Setar. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.
11. Zahidi Zainol Rashid. 1998. Sejarah Sekolah Pondok di Kedah. Dlm. Md. Noor Salleh & Abdul Halim Salleh (pnyt). Islam di Kedah Darul Aman. hlm. 108-111. Alor Setar. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.



